

PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG



Menjejak Kehidupan Tapir di Pusat Konservasi Hidupan Liar

Salina Alias, Nur Masyitah Osman, Zulfairul Zakariah, Rohamezan Rohim

Tapir – si pemalu dari hutan mungkin jarang kita temui, tetapi di Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungkai, Perak dan Sungai Dusun Selangor, kami berpeluang mendekati kehidupannya dengan lebih dekat. Di sinilah, setiap tapir ada kisahnya tersendiri. Punjut, Cik Li, Mat Liat dan Kapar yang berasal dari Johor, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor adalah antara tapir yang ditempatkan di pusat konservasi. Mereka merupakan sebahagian tapir yang dijumpai mengalami kecederaan atau memerlukan rawatan pemulihan. Ada yang tercedera di kaki, badan dan belakang badan. Sebahagian besar kecederaan berlaku akibat terjerat atau kemalangan lain semasa berada di habitat semula jadi. Tapir yang cedera akan diberi rawatan dan perlindungan, sebelum dikembalikan semula ke habitat asal apabila pulih.

Dalam menyelami kisah tapir yang akhirnya bernaung di pusat konservasi ini membuka ruang untuk kami memahami kehidupan mereka dari sudut yang lebih dekat.

Bukan sahaja tentang sejarah mereka, tetapi juga keperluan semasa mereka di sini seperti saiz kandang yang sesuai, penyediaan makanan yang mencukupi, sistem kumbahan yang berkesan, hinggalah kepada kolam yang menjadi ruang mereka bermandi dan berehat.

Tapir ialah haiwan herbivor yang gemar menikmati pelbagai tumbuhan dan buah-buahan segar. Antara menu harian mereka termasuklah daun senduduk, daun nangka, daun kepompong dan buah mangga, karot, ubi keledek serta jambu. Setiap hari, tapir diberi makan dua kali sehari, mengikut ketersediaan makanan dan jadual yang dijaga rapi oleh penjaga mereka.



Seperti haiwan lain, tapir juga menghasilkan najis dan urin dalam jumlah yang agak banyak setiap hari. Najis akan dibersihkan dahulu sebelum kandang atau *night stall* mereka dibasuh. Proses ini penting untuk memastikan tapir sentiasa selesa dan sihat. Menariknya, air basuhan daripada pembersihan kandang inilah yang menjadi sumber utama air sisa yang perlu dirawat. Lawatan ke Pusat Konservasi Tapir ini memberi peluang kepada kami untuk memahami bukan sahaja corak kehidupan haiwan unik ini, malah juga kepentingan menjaga alam sekitar melalui pengurusan sisa buangan yang lestari. Terima kasih buat PERHILITAN dan kerajaan kerana sentiasa prihatin menjaga dan melindungi tapir – si comel khazanah negara kita!

